

Mahathir tiba di Sabah

BH 20 MAY 2001

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di sini, untuk lawatan rasmi selama dua hari ke Sabah, bermula petang semalam.

Beliau disambut Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam dan menteri Kabinet negeri, pegawai kanan negeri dan Persekutuan sebaik saja pesawat yang membawanya mendarat di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu kira-kira jam 5.45 petang.

Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Badan Perhubungan Umno negeri di Hotel Magellan Sutera Harbour pada malamnya, manakala pagi esok beliau akan merasmikan Kongres Parti Akar, parti komponen Barisan Nasional (BN) di tempat sama sebelum berlepas pulang pada petangnya.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah menghadiri majlis makan malam dan ramah mesra Badan Kebajikan Isteri-Isteri Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah (Bakisa) di Hotel Magellan Sutera Harbour yang disediakan isteri Ketua Menteri, Datin Ivy Chong.